

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA EN. NYURAK KETI
RESIDEN BAHAGIAN KAPIT**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JELAJAH RAKAN ALAM SEKITAR
DI BAWAH PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN & PEMANTAUAN
KEBAKARAN TANAH GAMBUT SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM
SEKITAR SEDUNIA TAHUN 2022 PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

TARIKH:

26 JUN 2022 (AHAD)

TEMPAT:

RUMAH UNDI, NANGA BENA SUT, KAPIT

Salutation

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

1. Yang Berusaha Ts. Mohamad Zaihan Bin Hj. Lek
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
2. Yang Berusaha
Pegawai Daerah Kapit
3. Yang Berusaha En. Abdul Aziz Bin Zainal Abidin
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Majlis Daerah Kapit
4. Yang Berusaha Tr. Undi Anak Langkau
Nanga Bena Sut, Kapit
5. Wakil/Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
6. Tuai Rumah, Tuai Rumah dari kawasan berhampiran
7. Para penduduk Rumah Undi Nanga Bena Sut dan para
penduduk rumah panjang berhampiran
8. Pengamal media
9. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

Salam Sejahtera dan Selamat pagi.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak kerana sudi menjemput saya untuk hadir merasmikan Majlis Perasmian Program Jelajah Rakan Alam Sekitar Di Bawah Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak di Rumah Undi, Nanga Bena Sut, Kapit pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua wakil agensi/ jabatan persekutuan dan negeri, JKKK Rumah Undi serta semua penduduk Rumah Undi dan rumah-rumah panjang berhampiran yang sudi meluangkan masa menghadiri program ini. Saya amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Hadirin sekalian,

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2022

3. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia atau World Environment Day (WED) adalah acara tahunan yang disambut pada 5 Jun setiap tahun di 143 negara seluruh dunia untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan orang awam. WED mula disambut pada tahun 1972 dan telah berkembang menjadi sambutan utama seluruh dunia dengan pembabitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan terhadap perubahan alam sekitar.

4. Pada tahun 2022, Sweden telah dipilih menjadi negara penganjur dengan tema "*Only One Earth*". Tema ini menyeru tindakan proaktif dan kolektif secara holistik semua pihak untuk kelestarian bumi ini. Tindakan kolektif ini adalah transformasi alam sekitar yang diperlukan untuk pembangunan secara mapan bagi kesejahteraan seluruh penduduk bumi. Malaysia meraikan World Environment Day (WED) bagi mempamerkan komitmen global setiap tahun sebagai simbolik kepada komitmen dan tanggungjawab negara dalam kelestarian alam sekitar.

5. Saya percaya dan sentiasa menaruh harapan supaya semua lapisan masyarakat turut berganding bahu untuk bersama-sama dalam usaha melestarikan alam sekitar serta memberikan komitmen sepenuhnya dalam mematuhi apa jua peruntukan perundangan pengurusan alam sekitar yang terdapat di Negeri Sarawak khususnya dan di Malaysia umumnya.

6. Sambutan World Environment Day (WED) ini diharap dapat menjadi pencetus kepada pembudayaan gaya hidup lestari di kalangan masyarakat selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG 2030).

Hadirin sekalian,

PENUTUP

7. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai penduduk di bumi ini khususnya negara kita Malaysia bagi memastikan alam sekitar terpelihara agar manfaatnya dapat dirasai generasi masa depan. Harapan saya agar program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang pengisian-pengisian program yang lebih pelbagai serta memberikan impak yang lebih besar.

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak serta semua agensi-agensi kerajaan dan para penduduk Rumah Undi dan rumah-rumah panjang berhampiran yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada hari ini. Semoga Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga alam sekitar untuk manfaat kita bersama. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Jelajah Rakan Alam Sekitar Di Bawah Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

“ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Sekian, terima kasih.